

28 AUG 2001

Megawati-Rakyat

MEGAWATI MAHU PENDATANG TANPA IZIN INDONESIA DAPATKAN DOKUMEN SAH

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri hari ini menggesa rakyat Indonesia yang memasuki negara ini secara haram supaya berusaha mendapatkan dokumen perjalanan yang sah.

"Saya ingin sampaikan kepada masyarakat (Indonesia) yang belum mempunyai pasport dan visa untuk segera melegakannya (dapatkan dokumen sah)," katanya pada majlis perjumpaan bersama masyarakat Indonesia yang berada di Malaysia di Kedutaan Indonesia di sini.

Kira-kira 1,000 rakyat Indonesia daripada pelbagai lapisan termasuk pelajar dan pekerja kilang menghadiri majlis pertemuan selama sejam itu yang diadakan sempena lawatan presiden itu ke negara ini mulai semalam.

Yang turut hadir ialah suaminya Taufiq Kiemas, Menteri Luar Indonesia Noer Hassan Wirajuda serta Duta Besar Indonesia ke Malaysia Hadi Wayarabi Al Hadar.

Isu mengenai pekerja Indonesia di Malaysia turut dibincangkan dalam pertemuan antara Megawati dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Malaysia mahu pekerja Indonesia memasuki negara ini dengan mematuhi peraturan dan saluran yang sah bagi memastikan mereka dapat dilindungi dan tidak dieksploitasi pihak tertentu.

Megawati berkata, ketika ini terdapat lebih 1.5 juta rakyat Indonesia berada di Malaysia.

Menteri dan juga Timbalan Ketua Misi Kedutaan Indonesia Warmas Hassan Saputra berkata, rakyat Indonesia yang berada di negara ini secara sah berjumlah 550,000 orang.

Megawati juga mahu kedutaan Indonesia memainkan peranan lebih aktif memandangkan jumlah rakyat Indonesia yang memasuki negara ini semakin ramai.

"Persoalan mengenai masalah pendatang haram yang masuk ini menjadi masalah kepada pemerintah kita sendiri dan hal seperti ini membuat kita perlu menjaga masyarakat yang berada di lengkok kerajaan Malaysia," katanya.

Beliau juga mahu kedutaan Indonesia di negara-negara Asean dinilai dan distruktur semula termasuk menghentikan jawatan yang dirasakan tidak perlu dan pada masa yang sama mengukuhkan jawatan yang penting.

Katanya, kedutaan harus dianggap sebagai rumah kedua bagi warga Indonesia yang berada di negara lain.

"Tetapi ada kedutaan yang menjadi seperti eksklusif, warganya (Indonesia) tidak boleh datang, kalau datang akan diminta pulang," katanya.

Beliau turut mengingatkan rakyat negara itu supaya mengikut peraturan ketika mengunjungi kedutaan mereka.

-- BERNAMA

RZS AHH AKD